

28/10/1998

Defisit: Malaysia boleh elak guna sumber domestik

Kadir Dikoh

MALAYSIA mungkin tidak memerlukan sumber domestik begitu banyak untuk menampung defisit RM16.6 bilion dalam Belanjawan 1999, kerana ia masih boleh diperolehi dengan mudah dari luar negara, kata pakar penyelidikan ekonomi.

Pengurus ekonomi dan pemasaran Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng, memberitahu Berita Harian, Malaysia boleh mendapatkan pinjaman terus antara kerajaan dari Jepun dan kaedah ini tidak langsung terjejas oleh penarafan kedaulatan negara oleh agensi penarafan antarabangsa.

Malah, tanpa membuat pinjaman tambahan baru sekalipun, ikrar Jepun untuk mengagih sekurang-kurangnya AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) daripada pakej bantuan Jepun AS\$30 bilion (RM114 bilion) untuk menstabilkan ekonomi Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura dan Korea Selatan, sudah menyelesaikan hampir separuh defisit itu.

"Pada perkiraan kasar, jika AS\$30 bilion itu diagihkan sama rata antara lima negara penerima, Malaysia dengan mudah akan mendapat antara AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) dan AS\$4 bilion (RM15.2 bilion). Ini sudah memadai tanpa terlalu banyak menggunakan sumber domestik bagi menangani defisit yang saya anggap tidak begitu besar itu.

"Malah, jika kita dapat bawa masuk AS\$3 bilion (RM11.4 bilion) pun, baki yang kecil kira-kira RM5.2 bilion boleh diperolehi daripada sumber domestik seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Petronas untuk membeli bon terbitan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, Jumaat lalu membentangkan Belanjawan 1999 berdefisit RM16.635 bilion.

Bagaimanapun, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Dr Aris Othman dalam taklimat mengenai laporan ekonomi 1998/99, berkata kerajaan akan bergantung terutama kepada sumber tempatan seperti KWSP dan syarikat insurans tertentu bagi membiayai defisit belanjawannya.

Dr Yeah berkata, ada dua lagi kaedah bagi mendapat pinjaman luar iaitu dalam bentuk jaminan kerajaan dan pembiayaan dagangan, tetapi pinjaman terus (antara kerajaan) adalah yang termurah dan ia juga boleh meningkatkan rizab negara dengan kemasukan mata wang asing.

"Malah, kita juga boleh menerbitkan bon yankee atau euro dengan jaminan Kerajaan Jepun bagi mendapatkan dana luar negara dan jaminan Kerajaan Jepun itu juga `membebaskan' Malaysia daripada sebarang penurunan penarafan kedaulatan. Sebaliknya, penarafan ke atas Kerajaan Jepun yang menjadi penjamin akan terjejas jika kedaulatan Malaysia diturunkan lagi, katanya.

Moody's Investors dan Standard & Poor sebelum ini menurunkan penarafan kedaulatan Malaysia kepada BBB- yang boleh menyukarkannya membuat pinjaman asing dan terdedah kepada kadar faedah yang terlalu tinggi.

Beliau berkata, apa yang sedikit membimbangkan sekarang ialah kenaikan nilai yen berbanding dolar Amerika yang mungkin menyebabkan Malaysia terpaksa membayar lebih jika berjaya mendapatkan pinjaman terus yen.

Katanya, Malaysia kini boleh mengharapkan Jepun tanpa perlu menoleh kepada Amerika Syarikat bagi mendapat bantuan pinjaman luar.

Dr Mahathir pada sidang akhbar dihadiri kira-kira 100 wartawan Jepun dan media antarabangsa pada hari terakhir lawatannya ke Tokyo Selasa lalu, membayangkan kemungkinan Jepun membeli sebahagian daripada bon RM60 bilion diperlukan oleh Malaysia bagi membiayai cadangan pelan pemulihan ekonomi

negara selain bantuan AS\$30 bilion yang sudah dijanjikan Jepun bagi negara serantau.

Menurut Dr Mahathir, beliau sudah berbincang dengan pihak Jepun dan syarikat swasta negara itu bagi mendapatkan bantuan kewangan.

"Saya berbincang dengan pihak syarikat Jepun bagi mendapat beberapa dana daripada mereka. Kita juga berharap untuk menerbitkan bon bagi mendapat lebih banyak wang.

"Sebenarnya, Jepun amat bertimbang rasa dan mereka faham masalah kami dan mereka ingin memberi bantuan," kata Dr Mahathir.

Duta Jepun ke Malaysia, Issei Nomura sebelum ini menyatakan Malaysia dijangka menerima AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) daripada pakej bantuan Jepun AS\$30 bilion untuk menstabilkan ekonomi Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura dan Korea Selatan.

(END)